



PANDUAN PEPERIKSAAN & PENILAIAN

FAZLIN BINTI MOHD HAIRI
NOR ROZELAWATI BINTI KAMAR BASHA

PANDUAN PEPERIKSAAN & PENILAIAN

**FAZLIN BINTI MOHD HAIRI
NOR ROZELAWATI BINTI KAMAR BASHA**

POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH

PANDUAN PEPERIKSAAN & PENILAIAN

FAZLIN BINTI MOHD HAIRI
NOR ROZELAWATI BINTI KAMAR BASHA

e ISBN 978-967-2766-93-3

Penerbit :

POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH
25350 KUANTAN
PAHANG

Hakcipta Terpelihara ©2024 oleh Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah.

Bahan-bahan yang diterbitkan dalam buku ini di bawah hak cipta Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah.

Tiada bahagian penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau diedarkan dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.

PRAKATA



Buku Panduan Peperiksaan dan Penilaian edisi pertama merupakan sumber rujukan utama pelajar di politeknik. Penulisan buku ini dilakukan secara ringkas dengan tujuan memberikan panduan asas yang mudah difahami berkaitan dengan peperiksaan dan penilaian. Buku panduan ini disusun selaras dengan arahan dan garis panduan peperiksaan yang sedang berkuatkuasa yang telah ditetapkan oleh Bahagian Peperiksaan dan Penilaian (BPN), JPPKK. Semua aspek peperiksaan dan penilaian yang penting telah diberikan penekanan di dalam buku ini. Penggunaannya dijangka dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap proses peperiksaan dan penilaian, serta membantu mereka bersedia dengan lebih baik untuk menghadapi cabaran akademik. Semoga buku ini memberikan manfaat yang berkekalan kepada para pelajar dan turut menyumbang kepada peningkatan prestasi akademik mereka.

ISI KANDUNGAN

1.0 PENDAFTARAN KURSUS

1.1 Mendaftar Kursus	1
1.2 Penambahan Kursus	2
1.3 Pengguguran Kursus	2
1.4 Pengesahan Pendaftaran Kursus	2

2.0 PEMINDAHAN KREDIT & PENGECUALIAN KURSUS (CTCE)

2.1 Dasar Pemindahan Kredit	3
2.2 Syarat Umum Pemindahan Kredit	3
2.3 Kaedah Pelaksanaan Pemindahan Kredit	3
2.4 Prosedur Dan Peranan Pelajar Dalam Permohonan CTCE	4

3.0 KEHADIRAN

3.1 Peratus Kehadiran	5
-----------------------	---

4.0 SYARAT LULUS PENTAKSIRAN BERTERUSAN, PENTAKSIRAN AKHIR & PEPERIKSAAN AKHIR

4.1 Syarat Lulus Pentaksiran Berterusan	6
4.2 Syarat Lulus Pentaksiran Akhir	6
4.3 Syarat Lulus Peperiksaan Akhir	6
4.4 Syarat Lulus Kursus	6

5.0 PEPERIKSAAN AKHIR

5.1 Syarat Kelayakan Menduduki Peperiksaan Akhir	7
5.2 Syarat Memasuki Dewan/ Bilik Peperiksaan	7
5.3 Arahan - Arahan Am Peperiksaan Akhir	8
5.4 Definisi Meniru	9
5.5 Definisi Cubaan Meniru	9
5.6 Hukuman Meniru / Cubaan Meniru	10
5.7 Kesan Hukuman Meniru / Cubaan Meniru	11

ISI KANDUNGAN

6.0 RAYUAN KEPUTUSAN

6.1 Rayuan Ke Atas Keputusan Penilaian	12
6.2 Penyemakan Semula Skrip Jawapan Peperiksaan Akhir	12

7.0 PEPERIKSAAN AKHIR KHAS (PAK)

7.1 Syarat Layak Menduduki PAK	13
--------------------------------	----

8.0 PENILAIAN KHAS (PK)

8.1 Syarat Layak Menduduki Penilaian Khas (PK)	13
--	----

9.0 KAEDAH PENILAIAN

9.1 Sistem Nilai Mata	14
9.2 Sistem Gred	14
9.3 Kategori Keputusan Penilaian	15
9.4 Kaedah Pengiraan PNM dan HPNM	16
9.5 Tempoh Pengajian	18
9.5 Sijil dan Transkrip Akademik	18

10.0 SYARAT BERGRADUAT

10.1 Bahasa Kebangsaan A	19
10.2 Struktur Program	19

11.0 LAMPIRAN 20

1.0 Pendaftaran kursus

1.1 Mendaftar Kursus

- Dalam tempoh selewat -lewatnya TUJUH (7) hari dari tarikh rasmi sesi pengajian bermula setelah urusan pembayaran yuran dan urusan lapor diri di jabatan akademik selesai.
- Proses pendaftaran kursus perlu menggunakan iDaftar SPMP seperti Rajah 1.1
- Password dan username bagi Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP) akan diberi oleh Penasihat Akademik (PA) bagi pelajar semester 1 dan akan digunakan sehingga tamat pengajian di politeknik.
- Rajah 1.2 merupakan paparan iDaftar SPMP yang memerlukan pelajar klik Daftar.



Rajah 1.1: Paparan iDaftar SPMP



Rajah 1.2: Paparan iDaftar SPMP

1.2 Penambahan Kursus

- Pelajar boleh menambah kursus dengan syarat tidak melebihi jumlah kredit yang dibenarkan bagi semester berkenaan.
- Jumlah kredit yang perlu diambil oleh pelajar bagi setiap semester adalah diantara dua belas (12) hingga dua puluh (20) atau seperti yang ditetapkan di dalam Dokumen Kurikulum dan Struktur Program yang sedang berkuatkuasa.
- Penambahan kursus boleh dibuat pada minggu ke TIGA (3) sehingga minggu ke ENAM (6) sesi pengajian.

1.3 Pengguguran Kursus (*drop* kursus)

- Pelajar boleh menggugur sesuatu kursus dengan syarat jumlah kredit kursus-kursus yang masih diambil tidak kurang daripada dua belas (12) kredit.
- Pengguguran kursus boleh dibuat pada minggu ke TIGA (3) sehingga minggu ke ENAM (6) sesi pengajian.
- Pelajar perlu membuat perbincangan bersama Penasihat Akademik sebelum *drop* sesuatu kursus dan perlu memohon kelulusan daripada Ketua Jabatan Akademik.

1.4 Pengesahan Pendaftaran Kursus

Pelajar perlu memastikan pensyarah telah mengesahkan pendaftaran kursus di iDaftar seperti paparan Rajah 1.3. Pelajar perlu hadir ke kelas seperti di dalam jadual waktu bagi melancarkan Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

SEMAKAN PENDAFTARAN KURSUS					
SESI JUN 2019					
NAMA		: AHMAD AIRIL SUZAIMAN BIN ZABIDI			
NO. K.P		: 011004110519		NO. PEND : 02DEE19F1093	
TARIKH		:		KELAS : DEE1C	
KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	STATUS	PENSYARAH	
DBM10013	ENGINEERING MATHEMATICS 1	3.0	0	AHMAD ZAMRY BIN MOHAMAD YAHAYA	
DBS10012	ENGINEERING SCIENCE	2.0	0	MOHD SHARIF BIN KADIR	
DEE10013	MEASUREMENT DEVICES	3.0	0	NORIAH BT MUSTAFA	
DET10013	ELECTRICAL TECHNOLOGY	3.0	0	NORZALINAWATI BINTI ZAINI	
DET10022	ELECTRICAL WIRING	2.0	0	ADILAH BINTI MONEL	
DUE10012	COMMUNICATIVE ENGLISH 1	2.0	0	SYAHARINI BINTI SALEH	
DUW10022	OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH FOR ENGINEERING	2.0	0	BAKHTIAR BIN MD.SHAARI	
MPU24011	KOKURIKULUM (SUKAN)	1.0	0	MUHAMAD SOFFI BIN MANDA	
		JUMLAH JAM KREDIT : 18.0			

Rajah 1.3: Pada Semakan Pendaftaran Kursus akan terpapar nama pensyarah bagi kursus yang diambil

2.0 Pemindahan Kredit & Pengecualian Kursus (CTCE)

2.1 Dasar Pemindahan Kredit

- Dasar Pemindahan Kredit terbahagi kepada dua iaitu secara mendatar (*Horizontal*) dan menegak (*Vertical*).
- Pemindah kredit secara mendatar adalah daripada program pengajian di tahap kelayakan yang sama seperti daripada sijil ke sijil, diploma ke diploma dan ijazah sarjana muda ke ijazah sarjana muda. Pelajar yang masih dalam pengajian, kredit diambilkira dalam kredit bergraduasi pelajar dan gred kursus diambilkira dalam pengiraan Purata Nilai Mata (PNM) dan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM).
- Pemindahan kredit secara menegak adalah daripada program pengajian peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi seperti daripada sijil kolej komuniti ke diploma dan diploma ke ijazah. Pelajar yang telah tamat pengajian atau telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus berkenaan, kredit kursus yang dipindahkan diambilkira dalam kredit bergraduasi tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNM dan HPNM pelajar.

2.2 Syarat Umum Pemindahan Kredit

- Gred lulus minimum kursus terlibat yang boleh dipindah kredit ialah C
- Kesetaraan antara kandungan kursus mestilah tidak kurang daripada 80%
- Nilai kredit kursus bagi program terdahulu mestilah sama dengan nilai kredit kursus bagi program yang diikuti
- Kursus yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat akreditasi

2.3 Kaedah Pelaksanaan Pemindahan Kredit

- Pelaksanaan pemindahan kredit adalah berdasarkan permohonan pelajar dan kelulusan Jawatankuasa Pemindahan Kredit dan Pengecualian Kursus di peringkat Politeknik/Kolej Komuniti.
- Pindah kredit secara menegak (*vertical*) atau mendatar (*horizontal*) bagi pelajar yang telah tamat pengajian atau telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus berkenaan.

2.4. Prosedur Dan Peranan Pelajar Dalam Permohonan CTCE

- Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh TIGA (3) minggu pertama sesi pengajian
- Pelajar seharusnya mengemukakan dokumen seperti berikut:
 - i. Borang Permohonan Pemindahan Kredit Dan Pengecualian Kursus
 - ii. Slip keputusan peperiksaan terdahulu yang telah disahkan
 - iii. Salinan pengesahan akreditasi program terdahulu
 - iv. Maklumat kursus yang dimohon bagi tujuan pemetaan

3.0 Kehadiran

3.1 Peratus Kehadiran

$$\% \text{ Kehadiran} = \frac{\text{Jumlah kehadiran sebenar (jam)}}{\text{Jumlah kehadiran sepatutnya (jam)}} \times 100\%$$

3 JAM SEMINGGU X 14 = 42 JAM 1 SEMESTER

$$\begin{aligned} \% \text{ KEHADIRAN} &= \frac{37}{42} \times 100 \% \\ &= 88.1 \% \end{aligned}$$

SURAT PERINGATAN KETIDAKHADIRAN

$$\begin{aligned} \% \text{ KEHADIRAN} &= \frac{30}{42} \times 100 \% \\ &= 71.43 \% \end{aligned}$$

SURAT TUNJUK SEBAB

- Kehadiran pelajar kurang daripada 90% akan menyebabkan pelajar menerima surat peringatan ketidakhadiran sebagai amaran awal.
- Kehadiran pelajar kurang 80% akan menyebabkan pelajar menerima surat tunjuk sebab.
- Surat tunjuk sebab perlu dijawab dalam tempoh yang ditetapkan dengan alasan yang munasabah dengan mengemukakan bukti yang boleh menyokong alasan ketidakhadiran.
- Jika seseorang pelajar itu mempunyai masalah kesihatan, pelajar perlu mengemukakan sijil sakit yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan kerajaan atau swasta. Sijil sakit yang dikeluarkan oleh pusat perubatan swasta terhad kepada DUA (2) hari berturut-turut dan tidak melebihi LAPAN (8) hari dalam satu semester.



Rajah 3.1: Pelajar yang layak menduduki peperiksaan akhir

- Sekiranya kehadiran pelajar kurang daripada 80% dan tanpa alasan ketidakhadiran yang munasabah, pelajar tidak layak menduduki peperiksaan akhir dan diberi Gred F dengan Nilai Mata 0.00 bagi kursus berkenaan.
- Pelajar dikehendaki mengulang kursus berkenaan pada semester berikutnya.

4.0 Syarat Lulus

4.1 Syarat Lulus Pentaksiran Berterusan (PB)

- $PB < 40\%$ tidak layak menduduki Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir dan gagal kursus
- $PB \geq 40\%$ lulus PB dan layak menduduki Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir

4.2 Syarat Lulus Penilaian Akhir (PA)

- $PA < 40\%$ gagal kursus
- $PA \geq 40\%$ lulus Penilaian Akhir

4.3 Syarat Lulus Peperiksaan Akhir (PA)

- $PA < 20\%$ gagal kursus
- $PA \geq 20\%$ lulus Peperiksaan Akhir

4.4 Syarat Lulus Kursus

Jika semua syarat di bawah dipenuhi maka pelajar akan lulus sesuatu kursus dan jika sekiranya salah satu daripada syarat dibawah tidak dipenuhi maka pelajar gagal kursus tersebut.

- Penilaian Berterusan (PB) $\geq 40\%$
- Pentaksiran Akhir (PA) $\geq 40\%$ / Peperiksaan Akhir (PA) $\geq 20\%$
- $PB + PA \geq 40\%$

5.0 Peperiksaan Akhir

5.1 Syarat Kelayakan Menduduki Peperiksaan Akhir

- telah mendaftar pengajian
- telah mendaftar kursus melalui i-daftar SPMP
- telah menghadiri 80% atau lebih kuliah

5.2 Syarat Memasuki Dewan / Bilik Peperiksaan

- Membawa Kad Pelajar ke Dewan/Bilik Peperiksaan.
- Sekiranya pelajar tidak membawa kad pelajar, pelajar perlu mendapatkan borang kebenaran menduduki peperiksaan akhir di Unit Peperiksaan terlebih dahulu.
- Kegagalan membawa kad pelajar boleh menyebabkan calon dihalang daripada memasuki dewan/bilik peperiksaan untuk menduduki peperiksaan kecuali mendapat kebenaran bertulis dari Pegawai Peperiksaan untuk menduduki kursus berkenaan sahaja.




Rajah 5.1 : Contoh Kad Pelajar

5.3 Arahan - arahan Am Peperiksaan Akhir

- Calon dikehendaki hadir untuk menduduki peperiksaan pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan.
- Calon diminta berada di luar dewan/bilik peperiksaan lima belas (15) minit sebelum peperiksaan dimulakan.
- Calon yang lewat lebih daripada tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan dimulakan adalah dilarang masuk ke dewan/bilik peperiksaan dan seterusnya tidak dibenarkan menduduki peperiksaan bagi kursus tersebut.
- Calon yang lewat tetapi tidak melebihi tiga puluh (30) minit daripada waktu peperiksaan dimulakan akan dibenarkan menduduki peperiksaan tetapi waktu tamat peperiksaan bagi kursus tersebut adalah sama dengan calon yang lain.
- Calon dilarang membawa masuk ke dalam atau keluar dewan/bilik peperiksaan apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar atau sebarang alat/bahan yang terdapat catatan bertulis kecuali yang dibenarkan oleh Pengawas Peperiksaan.
- Calon dilarang membawa masuk sebarang alat elektronik kecuali yang dibenarkan oleh Pengawas Peperiksaan.
- Calon dilarang meninggalkan dewan/bilik peperiksaan dalam tempoh tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan bermula dan lima belas (15) minit sebelum peperiksaan tamat.
- Dalam keadaan tertentu di mana calon perlu keluar dan masuk semula, kebenaran daripada Pengawas Peperiksaan adalah diperlukan dan calon hendaklah berada di bawah pengawasan.
- Calon dilarang makan dan minum di dalam dewan/bilik peperiksaan.
- Calon dikehendaki mendengar arahan yang dibacakan oleh ketua pengawas sebelum peperiksaan akhir bermula seperti di Lampiran.

5.4 Definisi Meniru

- Menggunakan nota/maklumat/dokumen yang disediakan sebelumnya dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara atau mendapatkannya dari mana-mana punca bagi tujuan untuk menjawab soalan peperiksaan kursus yang sedang dijalankan.



Rajah 5.2 : Pelajar menyalin nota di tapak tangan dan kuku

5.5 Definisi Cubaan Meniru

- Memiliki bersamanya sebarang nota/maklumat/dokumen yang disediakan sebelumnya dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara atau mendapatkannya dari mana-mana punca bagi tujuan untuk menjawab soalan peperiksaan yang sedang dijalankan.

5.6 Hukuman Meniru / Cubaan Meniru

- Dimansuhkan markah penilaian bagi kursus berkenaan dan diberikan Gred F dengan Nilai Mata 0.00.
- Dimansuhkan markah peperiksaan akhir bagi semua kursus yang diambil pada semester berkenaan.

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	STATUS	MARKAH PA (100%)	MARKAH PB (100%)
DPA40093	FINANCIAL ACCOUNTING 4	3.0	KT	0	0
DPA40103	FINANCIAL MANAGEMENT 2	3.0	0	0	83
DPA40113	COST AND MANAGEMENT ACCOUNTING 2	3.0	0	0	71
DPA40123	AUDIT 1	3.0	0	0	79
DPA40133	MALAYSIAN TAXATION 1	3.0	0	0	67
MPU22012	ENTREPRENUERSHIP	2.0	0	0	63
MPU24910	ASKAR WATANIAH 4	0.0	0	0	90

Rajah 5.3 : Markah PB dan PA dimansuhkan (markah 0) manakala markah peperiksaan akhir kursus lain dimansuhkan (markah 0) di dalam i-exam SPMP

- Pelajar dikehendaki hadir Peperiksaan Akhir (PA) bagi kursus yang dijadualkan selepas ditangkap meniru supaya markah Pentaksiran Berterusan (PB) diambil kira.
- Jika pelajar tidak hadir peperiksaan akhir maka markah PB tidak akan diambil kira kerana status kehadiran kursus tersebut akan berubah kepada tidak hadir (TH) manakala markah PB dan PA akan diberi nilai 0.

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	GRED	NILAI MATA	MATA KREDIT	STATUS
DPA40093	FINANCIAL ACCOUNTING 4	3.0	F	0.00	0.00	C1 (KT)
DPA40103	FINANCIAL MANAGEMENT 2	3.0	D	1.00	3.00	C1
DPA40113	COST AND MANAGEMENT ACCOUNTING 2	3.0	E	0.67	2.01	C1
DPA40123	AUDIT 1	3.0	D	1.00	3.00	C1
DPA40133	MALAYSIAN TAXATION 1	3.0	E	0.67	2.01	C1
MPU22012	ENTREPRENUERSHIP	2.0	B-	2.67	5.34	
MPU24910	ASKAR WATANIAH 4 <i>MPU24910 - ASKAR WATANIAH 4</i>	0.0	A+	4.00	0.00	

KEPUTUSAN : GAGAL BERHENTI

PNM : 0.90

HPNM : 2.26

Rajah 5.4 : Slip keputusan pelajar meniru

- Rajah 5.4 menunjukkan keputusan pelajar adalah Gagal Berhenti (GB) berpunca daripada PNM < 1.00

5.7 Kesan Hukuman Meniru / Cubaan Meniru

- Malu, rendah diri, tekanan perasaan
- Mengulang Kursus (MK) / Gagal Berhenti (GB) / menambah tempoh pengajian (*extend*).



Rajah 5.5 : Malu dan tekanan perasaan kesan daripada perbuatan meniru

6.0 Rayuan Keputusan



6.1 Rayuan Ke atas Keputusan Penilaian

- Pelajar yang ingin membuat rayuan ke atas keputusan penilaiannya boleh berbuat demikian secara bertulis kepada Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik dalam tempoh EMPAT BELAS (14) hari daripada tarikh keputusan rasmi.
- Rayuan hendaklah disertakan dengan alasan-alasan yang munasabah dan bukti-bukti berkaitan.
- Pelajar akan dikenakan bayaran sebanyak RM50.00 bagi setiap rayuan yang dikemukakan dan hendaklah dibuat dalam bentuk Kiriman Wang atas nama “PENGARAH POLITEKNIK” yang berkenaan.

6.2 Penyemakan Semula Skrip Jawapan Peperiksaan

- Pelajar yang ingin membuat penyemakan semula skrip jawapan sesuatu kursus hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik dalam tempoh EMPAT BELAS (14) hari dari tarikh keputusan rasmi diumumkan.
- Pelajar akan dikenakan bayaran sebanyak RM25.00 bagi setiap kursus dan hendaklah dibuat dalam bentuk Kiriman Wang atas nama “PENGARAH POLITEKNIK” yang berkenaan

7.0 Peperiksaan Akhir Khas (PAK)

7.1 Syarat Layak Menduduki PAK

- Disahkan sakit oleh pegawai perubatan kerajaan atau swasta.
- Menghadapi kes-kes kecemasan seperti kes kematian keluarga terdekat, kemalangan, bencana alam atau kebakaran dengan pengesahan dari pihak berkuasa.
- Menyertai aktiviti yang diluluskan oleh Pengarah dengan mengemukakan surat pengesahan daripada pihak penganjur.
- Atlit sukan yang sedang mewakili negeri atau negara.

8.0 Penilaian Khas (PK)

8.1 Syarat Layak Menduduki PK

- Penilaian Khas adalah satu bentuk penilaian yang hanya dibenarkan kepada pelajar yang akan menjalani kursus Latihan Industri pada semester akhir yang memenuhi syarat-syarat berikut:
 - i. mendapat keputusan KB;
 - ii. gagal SATU (1) kursus sahaja pada semester sebelumnya;
 - iii. telah menduduki peperiksaan akhir bagi kursus berkenaan dalam semester semasa (jika berkaitan);
 - iv. tidak dikenakan tindakan tatatertib; dan
 - v. telah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik.
 - vi. Keputusan pelajar yang lulus Penilaian Khas akan mendapat Gred C sahaja.

9.0 Kaedah Penilaian

9.1 Sistem Nilai Mata

- Sistem Gred yang mana pencapaian pelajar dinilai menggunakan dua (2) ukuran iaitu:
 - i. Purata Nilai Mata (PNM) atau Grade Point Average (GPA)
 - ii. Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) atau Cumulative Grade Point Average (CGPA).
- Nilai mata bagi pelajar Atlit adalah seperti berikut:
 - i. Atlit yang mendapat pingat dan mewakili negeri/negara, nilai mata bagi kursus Kokurikulum berkenaan adalah 4.00.
 - ii. Atlit yang mewakili negeri/negara yang tidak mendapat pingat, nilai mata bagi kursus Kokurikulum berkenaan adalah 3.00.
 - iii. Atlit yang mewakili negeri/negara setelah melepasi semester DUA (2) dan TIGA (3), akan diberikan pindahan kredit sebanyak TIGA (3) kredit bagi kursus elektif.

9.2 Sistem Gred

- Markah yang diperolehi oleh pelajar di dalam sesuatu kursus akan diberi nilai mata dan gred berikut:

Markah	Nilai Mata	Gred	Status*
90 - 100	4.00	A+	Sangat Cemerlang
80 - 89	4.00	A	Cemerlang
75 - 79	3.67	A-	Kepujian
70 - 74	3.33	B+	Kepujian
65 - 69	3.00	B	Kepujian
60 - 64	2.67	B-	Lulus
55 - 59	2.33	C+	Lulus
50 - 54	2.00	C	Lulus
47 - 49	1.67	C-	Lulus
44 - 46	1.33	D+	Lulus
40 - 43	1.00	D	Lulus
30 - 39	0.67	E	Gagal
20 - 29	0.33	E-	Gagal
0 - 19	0.00	F	Gagal

Rajah 9.1 : Nilai mata dan gred keseluruhan

9.3 Kategori Keputusan Penilaian

LP (Lulus Penuh) = $HPNM \geq 2.00$ dan layak dianugerah diploma

KB (Kedudukan Baik) = $HPNM \geq 2.00$

KS (Kedudukan Bersyarat) = $1.60 \leq HPNM < 2.00$

GB (Gagal dan Diberhentikan)

- $HPNM < 1.60$
- $PNM < 1.00$ kecuali bagi pelajar yang akan menjalani Latihan Industri pada semester berikutnya atau pelajar mengikuti semester pendek
- Gagal sesuatu kursus TIGA (3) kali termasuk peperiksaan akhir khas atau penilaian khas atau semester pendek
- KS TIGA (3) kali berturut-turut tidak termasuk semester pendek
- Gagal Latihan Industri Dua (2) kali
- Melebihi 9 Semester

9.4 Kaedah Pengiraan PNM dan HPNM



**POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

SEMAMBU,
25350, KUANTAN, PAHANG
TEL : 09-5655300, FAKS : 09-5663104



**KEPUTUSAN PENILAIAN AKHIR SEMESTER
SESI JUN 2018
PROGRAM DIPLOMA SISTEM MAKLUMAT PERNIAGAAN**

NAMA : LUQMAN HAKIM BIN AZANUL AZHAR
NO.KP : 000909-06-0663
NO.PEND : 02DBS18F1030

SEMESTER : SATU
KELAS SEMASA : DBS1A
TARIKH : 01/12/2018

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	GRED	NILAI MATA	MATA KREDIT	STATUS
DPK5013	BUSINESS ACCOUNTING	3.0	B	3.00	9.00	
DPM1013	PRINCIPLES OF MARKETING	3.0	B+	3.33	9.99	
DPS1013	BUSINESS DATA COMMUNICATION	3.0	A	4.00	12.00	
DPS1023	BUSINESS COMPUTER APPLICATIONS	3.0	A	4.00	12.00	
DUB1012	PENGAJIAN MALAYSIA	2.0	A	4.00	8.00	
DUE1012	COMMUNICATIVE ENGLISH 1	2.0	A-	3.67	7.34	
DUW1012	OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH	2.0	A-	3.67	7.34	

KEPUTUSAN : KEDUDUKAN BAIK

PNM : 3.65

HPNM : 3.65

Jam Kredit Diambil : 18.0
Jam Kredit Diambil Kira : 18.0
Jumlah Jam Kredit Terkumpul : 18.0 / 94.0

KENYATAAN : PERLU MENERUSKAN PENGAJIAN KE SEMESTER BERIKUTNYA.

Nota : Slip keputusan ini adalah anaan komputer dan tidak perlu ditandatangani.

Rajah 9.2: Slip keputusan semester 1

$$\begin{aligned}
 \text{HPNM @ PNM} &= \frac{\text{Jumlah Mata Kredit}}{\text{Jumlah Jam Kredit Terkumpul}} \\
 &= \frac{9+9.99+12+12+8+7.34+7.34}{18} \\
 &= \frac{65.67}{18} \\
 &= 3.65
 \end{aligned}$$



POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
SEMAMBU,
25350, KUANTAN, PAHANG
TEL : 09-5655300, FAKS : 09-5663104



KEPUTUSAN PENILAIAN AKHIR SEMESTER
SESI DISEMBER 2018
PROGRAM DIPLOMA SISTEM MAKLUMAT PERNIAGAAN

NAMA : LUQMAN HAKIM BIN AZANUL AZHAR
NO.KP : 000909-06-0663
NO.PEND : 02DBS18F1030

SEMESTER : DUA
KELAS SEMESTER : DBS2B
TARIKH : 15/05/2019

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	GRED	NILAI MATA	MATA KREDIT	STATUS
DPB1013	STATISTICS	3.0	C+	2.33	6.99	
DPB1023	MICROECONOMICS	3.0	B	3.00	9.00	
DPB2012	ENTREPRENEURSHIP	2.0	A	4.00	8.00	
DPS2013	E-COMMERCE	3.0	B	3.00	9.00	
DPS2023	WEB DEVELOPMENT	3.0	A+	4.00	12.00	
DRX2001	KOKURIKULUM 2 <i>DRS2151 - PING PONG</i>	1.0	A	4.00	4.00	
DUA2022	PENGURUSAN DALAM ISLAM	2.0	A	4.00	8.00	

KEPUTUSAN : KEDUDUKAN BAIK

PNM : 3.35

HPNM : 3.51

Jam Kredit Diambil : 17.0
Jam Kredit Diambil Kira : 17.0
Jumlah Jam Kredit Terkumpul : 35.0 / 94.0

Rajah 9.3: Slip keputusan semester 2

$$\text{PNM} = \frac{\text{Jumlah mata kredit}}{\text{Jumlah kredit}}$$

$$= \frac{6.99+9+8+9+12+4+8}{17}$$

$$= \frac{56.99}{17}$$

$$= 3.35$$

$$\text{HPNM} = \frac{\text{Jumlah mata kredit Sem1\&Sem2}}{\text{Jumlah Jam kredit Terkumpul SEM1\&2}}$$

$$= \frac{65.67+56.99}{18+17}$$

$$= \frac{122.66}{35}$$

$$= 3.51$$

9.4 Tempoh Pengajian

Diploma

- maksimum 9 semester

9.5 Sijil dan Transkrip Akademik

- Sijil dan Transkrip Akademik diberikan kepada pelajar setelah tamat sesuatu program pengajian dan disahkan oleh Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik.
- Transkrip akademik mengandungi semua kursus yang diambil sepanjang pengajian di politeknik.



Rajah 9.4: Sijil diploma

POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH				POLITEKNIK MALAYSIA			
Semambu 25350 Kuantan PAHANG DARUL MAKMUR MALAYSIA				SULTAN HAJI AHMAD SHAH Tel : 09-566 5300 Faks : 09-566 3104 Laman Web : www.politeknik.edu.my Facebook : politeknik.edu			
ACADEMIC TRANSCRIPT							
NAME : [REDACTED]		REG. NO. : [REDACTED]		IC NO. : [REDACTED]		PROGRAMME : DIPLOMA IN CIVIL ENGINEERING	
INTAKE SESSION : JUNE 2017		STATUS : COMPLETED		DATE : 11 JUN 2020			
CODE	COURSE	CREDIT	GRADE STATUS	CODE	COURSE	CREDIT	GRADE STATUS
FIRST SEMESTER (JUNE 2017)							
DBS1013	ENGINEERING MATHEMATICS 1	3.0	C+	Grade Point Average (GPA) : 2.89			
DBS1012	ENGINEERING SCIENCE	2.0	C-	Cumulative Grade Point Average (CGPA) : 2.82			
DCC1012	ENGINEERING DRAWING AND COMPUTER AIDED DRAFTING	2.0	A	Credit Earned : 18.0			
Total Credits : 71.0 / 96.0							
DCC1023	CIVIL ENGINEERING MATERIALS	3.0	B-	FIFTH SEMESTER (JUN 2019)			
DCC1032	PLUMBING AND CARPENTRY WORKSHOP	2.0	A	DCC6203	CIVIL ENGINEERING PROJECT 2	3.0	B+
DUE1012	PENGAJIAN MALAYSIA	2.0	A	DCC6213	HYDRAULICS AND HYDROLOGY	3.0	C
DUE1012	COMMUNICATIVE ENGLISH 1	2.0	B	DCC6223	REINFORCED CONCRETE DESIGN	3.0	C
DUM1012	OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH	2.0	B+	DCC6242	BASIC BUILDING SERVICES	2.0	A
Grade Point Average (GPA) : 3.02				DCC6262	STEEL STRUCTURAL DESIGN	2.0	B
Cumulative Grade Point Average (CGPA) : 3.02				DUM622	KOMUNIKASI DAN PENYERAHAN ISLAM	2.0	B-
Credit Earned : 18.0				Grade Point Average (GPA) : 2.76			
Total Credits : 18.0 / 96.0				Cumulative Grade Point Average (CGPA) : 2.81			
				Credit Earned : 18.0			
				Total Credits : 95.0 / 96.0			
SECOND SEMESTER (DECEMBER 2017)							
DBS2013	ENGINEERING MATHEMATICS 2	3.0	C+	SIXTH SEMESTER (INDUSTRIAL TRAINING)			
DCC2042	BRICKWORKS AND CONCRETE LABORATORY	2.0	A	Company : PETRONAS CHEMICAL WTRTE LIPSTEP PROJECT SITE OFFICE, ADMINISTRATION BUILDING, UTILITIES (UG), PETRONAS GAS BHD, LOT 129A, GEBANG INDUSTRIAL AREA, PHASE 3, 20200, KUANTAN, PAHANG.			
DCC2052	INTRODUCTION TO INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEMS	3.0	B+	Duration : 09 DESEMBER 2019 - 24 APRIL 2020.			
DCC2063	MECHANICS OF CIVIL ENGINEERING STRUCTURES	3.0	D	Remarks : EXCELLENT			
DCC2073	CONTRACT AND ESTIMATING	3.0	B-	Cumulative Grade Point Average (CGPA) : 2.81			
DCC2082	ENGINEERING SURVEY 1	2.0	B+	Credit Earned : 18.0			
ORS2281	ORIENTEERING	1.0	A	Total Credits : 96.0 / 96.0			
DUA2012	SAINS, TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN DALAM ISLAM	2.0	A				
Grade Point Average (GPA) : 2.85							
Cumulative Grade Point Average (CGPA) : 2.84							
Credit Earned : 18.0							
Total Credits : 36.0 / 96.0							
THIRD SEMESTER (JUNE 2018)							
DCC3003	ENGINEERING SURVEY 2	3.0	C	NO ALTERATION OR ADDITION IS HEREBY AUTHORIZED. THIS TRANSCRIPT WAS ISSUED BY THE EXAMINATION OFFICER.			
DCC3103	GEOTECHNICAL ENGINEERING	3.0	C	CERTIFIED BY:			
DCC3113	HIGHWAY AND TRAFFIC ENGINEERING	3.0	C+	[Signature]			
DCC3122	GEOTECHNICAL AND HIGHWAY LABORATORY	2.0	A	(KHAIROL NIZAM BIN MAT AMIN)			
DCC3132	STATISTICS	2.0	A-	Head of Examination			
DRK3032	PHOTOGRAPHY	2.0	B+	p.p Director			
DUE3012	COMMUNICATIVE ENGLISH 2	2.0	B+	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah			
Grade Point Average (GPA) : 2.80							
Cumulative Grade Point Average (CGPA) : 2.89							
Credit Earned : 17.0							
Total Credits : 63.0 / 96.0							
FOURTH SEMESTER (DECEMBER 2018)							
DCC5143	FLUID MECHANICS	3.0	D+				
DCC5152	WATER SUPPLY AND WASTE WATER ENGINEERING	2.0	B-				
DCC5163	THEORY OF STRUCTURES	3.0	D+				
DCC5172	STRUCTURES, HYDRAULICS AND WATER QUALITY LABORATORY	2.0	A				
DCC5183	PROJECT MANAGEMENT AND PRACTICES	3.0	B				
DCC5191	CIVIL ENGINEERING PROJECT 1	1.0	A-				
DPE2012	ENTREPRENEURSHIP	2.0	A-				
DUE5012	COMMUNICATIVE ENGLISH 3	2.0	B-				

Rajah 9.5: Transkrip akademik

10.0 Syarat Bergraduat

10.1 Bahasa Kebangsaan A (MPU22042)

- Diwajibkan kepada pelajar yang tidak mendapat kredit / kepujian (Gred C) di dalam Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

10.2 Struktur Program


- Struktur program mengandungi semua kursus yang ditawarkan sepanjang pengajian di politeknik.
- Pelajar wajib mengambil semua kursus yang ditawarkan bagi melayakkan pelajar bergraduat bagi menghadiri majlis konvokesyen.



Rajah 10.1: Majlis Konvokesyen

11.0 Lampiran

Carta Alir CTCE



BORANG PERMOHONAN PINDAHAN KREDIT / PENGECEUALIAN KURSUS

ARAHAN KEPADA PEMOHON :
 1. Sila baca Garis Panduan Pindahan Kredit dan Pengecualian Kursus (CTCE) dan dapatkan nasihat Penasihat Akademik sebelum mengisi borang ini.
 2. Sila sertakan bersama dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti yang dinyatakan dalam borang *Senarai Semak Dokumen*.



No: _____
 Jabatan : _____

SESI PENGAJIAN:

Nama Pelajar : Kelas :
 (Mengikut Ejaan Dalam Kad Pengenalan & Ditulis Dengan Huruf Besar)
 No. Kad Pengenalan : Program / Semester :
 No. Pendaftaran : No. Telefon :

Alamat surat-menyurat :

Kursus Politeknik Yang Dipohon CT/CE#		Modul/ SPM / Politeknik / IPT Terdahulu Yang Setara			Untuk Kegunaan Pihak Jabatan					
Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit	Gred	% Kesetaraan	Disokong/Tidak Disokong	Ulasan, Tindakan & Cop Ketua Jabatan

Pengakuan Pemohon : Saya mengaku bahawa keterangan yang diberikan di atas adalah betul dan benar.
 Tandatangan Pelajar :
 Tarikh :

Pengesahan Penasihat Akademik : Telah dibawa berbincang dengan PA.
 Tandatangan PA :
 Tarikh :

Kelulusan Jawatankuasa CTCE :
 Permohonan ini : Ditoluskan Tidak diluluskan
 Bagi kursus :
 i.
 ii.
 iii.

Tandatangan Pengerusi :
 Cop Rasmi & Tarikh:

**Borang Kebenaran Menduduki
Peperiksaan Akhir**

SALINAN PELAJAR



BORANG KEBENARAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN AKHIR
(Borang Permohonan)

NAMA PELAJAR : _____

NO. PEND. : _____ JABATAN : JKA / JKE / JKM / JP / JTM / JMSK

Di benarkan untuk menduduki peperiksaan akhir bagi kod kursus _____

(Nama Kursus) _____

pada tarikh : _____ jam _____ atas sebab : _____

Kebenaran ini adalah sah untuk maklumat seperti yang tertera di atas sahaja.

.....
Tandatangan & Cop

SALINAN JABATAN



BORANG KEBENARAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN AKHIR
(Borang Permohonan)

NAMA PELAJAR : _____

NO. PEND. : _____ JABATAN : JKA / JKE / JKM / JP / JTM / JMSK

Di benarkan untuk menduduki peperiksaan akhir bagi kod kursus _____

(Nama Kursus) _____

pada tarikh : _____ jam _____ atas sebab : _____

Kebenaran ini adalah sah untuk maklumat seperti yang tertera di atas sahaja.

.....
Tandatangan & Cop

**ARAHAN YANG PERLU DIBACA OLEH
KETUA PENGAWAS
(SEBELUM PEPERIKSAAN DIMULAKAN)**

1. Calon dikehendaki meletakkan Kad Pelajar di penjurua sebelah kiri meja masing- masing.
2. Calon **TIDAK DIBENARKAN** membawa masuk sebarang :
 - i. Buku, kertas, dokumen atau gambar atau sebarang alat/bahan yang terdapat catatan bertulis;
 - ii. Kalkulator boleh program;
 - iii. "Pencil Case" / "Jacket" / "Casing Calculator", dan
 - iv. Telefon bimbit atau sebarang peralatan elektronikke dalam dewan/bilik peperiksaan.
3. Sekiranya terbawa telefon bimbit ke dewan/bilik peperiksaan maka dikehendaki mematikan dan diletakkan di atas lantai (di kaki meja).
4. Sekiranya terbawa :
 - i. Buku, kertas, dokumen atau gambar atau sebarang alat/bahan yang terdapat catatan bertulis;
 - ii. Kalkulator boleh program;
 - iii. "Pencil Case" / "Jacket" / "Casing Calculator"

mohon diletakkan diluar dewan/bilik peperiksaan dengan keizinan dari pengawas peperiksaan terlebih dahulu.

5. Calon yang didapati **MENIRU** atau **melanggar peraturan** dan arahan-arahan peperiksaan akan dikenakan tindakan mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa :
 - i. **Hukuman meniru, memberi tiru atau cubaan meniru** akan dimansuhkan markah peperiksaan akhir bagi semua kursus yang diambil pada semester berkenaan dan diberikan Gred F dengan Nilai Mata 0.00.

- ii. **Kesan hukuman meniru, memberi tiru atau cubaan meniru** adalah malu, rendah diri, tekanan perasaan dan pelajar akan mengulang kursus (MK) / Gagal Berhenti (GB) / menambah tempoh pengajian (extend).
6. Calon dikehendaki mengisi slip maklumat calon (**UP1**) pada buku jawapan serta membaca peringatan dihelai belakang dan menandatangani. Calon tidak dibenarkan menulis nama atau no. pendaftaran pada buku jawapan selain slip maklumat calon sahaja (UP1).
7. Calon **TIDAK DIBENARKAN** :
 - i. Membuka kertas soalan sehingga dibenarkan berbuat demikian;
 - ii. Berkomunikasi antara satu sama lain atau dengan pihak luar semasa peperiksaan sedang dijalankan;
 - iii. Keluar dewan/bilik peperiksaan dalam tempoh 30 minit pertama peperiksaan bermula dan 15 minit terakhir sebelum peperiksaan tamat.
8. Calon yang hendak keluar ke tandas perlu mendapatkan tag kebenaran terlebih dahulu daripada pengawas peperiksaan.
9. Calon dikehendaki membaca arahan- serta menyemak kandungan pada muka hadapan buku soalan. Pastikan soalan yang diterima adalah betul.

Dikemaskini pada 30 November 2023

Nama : _____

Alamat : _____

Pengarah
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
Semambu, 25350 Kuantan
(u.p : Pegawai Peperiksaan)

RAYUAN KEPUTUSAN PENILAIAN AKHIR SEMESTER SESI I : 2021/2022

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. _____

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

Nama Pelajar :

No Pendaftaran :

No Kad Pengenalan :

No Tel Untuk Dihubungi :



e ISBN 978-967-2766-93-3



**UNIT PEPERIKSAAN
POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH**
